

Mengapa Saya Menganut Agama Islam?

Pada kali ini ruangan “Fikiran Islam” dengan bangganya dapat menghidangkan kisah seorang intelek dari India yang dengan keredhaan hatinya telah memilih “Islam” menjadi agama kepercayaannya hingga ke akhir hayat. Nama asalnya ialah “Mister Ramesh Shanura Buru Shuta Marpatil”. Ia telah memilih nama Islamnya “Basyir Ahmad Rahman Patil”. Ia telah menganut agama Islam pada hari Jumaat 14 haribulan Julai 1967. Sebelum ia memilih Islam sebagai agamanya ia telah mengkaji dan menyelidiki akidah-akidah beberapa agama yang terbuka di dunia ini. Di antaranya akidah-akidah agama Kristian, Hindu, Buddha... bacalah kisah perjuangan batin Mister Patil mencari hakikat yang sebenarnya di lapangan akidah (kepercayaan).

Makalah ini berasal dari bahasa Inggeris diterjemahkan oleh Ustaz Ahmad Asad Shihab ke dalam bahasa

Arab yang disiarkan oleh Majalah Rabitah al-Alam al-Islami – Makkah Mukarramah – Pengarang.

Terjemahan: Abdullah bin Hasyim

Mencari hakikat dalam akidah:

Di dalam kenyataannya menerangkan kisah sebab-sebab maka ia menganut agama Islam Mister Patil berkata: “Saya sangat gemar sekali kerana mendapat hidayah dan petunjuk dari Tuhan memilih “Islam” sebagai agama kepercayaan saya dan dapat memimpin saya ke arah kebahagiaan hidup dari alam dunia yang fana hingga ke alam akhirat yang baqa”.

Usaha-usaha yang dijalankan oleh Mister Patil di lapangan mengkaji dan mempelajari kepercayaan-kepercayaan agama di dunia ini bukanlah suatu usaha yang singkat, tetapi mengambil masa yang panjang bertahun-tahun, lamanya. Usaha-usaha menyelidik dan mengkaji akidah (kepercayaan) sesuatu agama di dunia ini, memanglah satu daripada kecenderungannya yang semula jadi yang tertanam di dalam jiwanya dari sejak kecil. Usaha-usaha yang dijalankan itu

adalah semata-mata bertujuan suci dengan dorongan dari suatu perasaan ghaib untuk mencari hakikat yang sebenarnya.

Meskipun pada mulanya Mister Patil menitikberatkan segala kajiannya ke arah pengajian-pengajian *Islāmiyyāt*, tetapi untuk mencari perbandingan dan fahamannya di dalam akidah suatu agama, maka ia meneruskan usahanya mengkaji dan menyelidiki akidah kepercayaan semua agama.

Kepercayaan agama Hindu:

Mister Patil dilahirkan dalam tahun 1929 dari golongan keluarga Hindu yang berpelajaran tinggi dan ternama, mempunyai kedudukan yang dipandang mulia oleh seluruh masyarakat India. Oleh itu tidak hairan Mister Patil dibesarkan di dalam lingkungan suatu keluarga yang sangat fanatik dan taat kepada kepercayaan agama Hindu.

Hindu adalah suatu agama yang mempercayai ada Tuhan yang berbilang-bilang dan menyembah berbagai-bagai patung berhala yang dijadikan kuasa perantaraan di antara tuhan-tuhan dengan hambanya. Orang-orang Hindu menyembah batu, memuliakan gambar-gambar dan mempercayai akan kesucian sebuah sungai di India (Sungai Ganges – P) dan menganggap setiap orang yang mandi di dalam sungai itu akan dihapuskan segala dosanya. Istiadat pengampunan dosa ini dijalankan dengan perantaraan seorang sami Hindu yang mempunyai kekuasaan istimewa meminta kepada Tuhan-Tuhan mereka atas nama agama Hindu supaya sekalian orang-orang yang mandi di dalam sungai itu diampunkan dosa-dosa mereka.

Dalam kepercayaan agama Hindu didapati unsur-unsur perbezaan tingkatan hidup yang nyata di antara kaum bangsawan yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi dengan kaum

Fikiran Islam.

paria yang hidup melarat dan menderita. Perbezaan tingkatan hidup ini bukan sahaja di dalam pergaulan sehari-hari di dalam masyarakat, tetapi juga di dalam sesuatu majlis istiadat agama. Masing-masing tingkatan mempunyai taraf kedudukan yang tertentu, (umpamanya tingkatan bangsawan tidak boleh duduk bahu-membahu dengan tingkatan rakyat jelata di dalam istiadat agama – P).

Peraturan-peraturan yang sedemikian rupa menimbulkan perasaan-perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat jelata dan menyebabkan masyarakat kaum Hindu menjadi pincang, tidak seimbang.

Menyelidiki kepercayaan semua agama:


Melihat kepada peraturan-peraturan ganjil yang didapatinya di dalam masyarakat Hindu inilah yang menyebabkan perasaan Mister Patil selalu terganggu dan tidak tenteram, dari punca inilah hatinya mulai cenderung untuk mengkaji dan menyelidiki akidah-akidah kepercayaan agama-agama yang lain. Dengan tidak berlengah-lengah lagi ia terus membaca, membahas dan menganalisa isi kandungan setiap buku-buku agama yang dibacanya dengan teliti dan bersungguh-sungguh, dengan harapan mudah-mudahan usahanya yang tidak mengenal jemu itu akan menimbulkan suatu cahaya yang boleh menyinari jalan kebenaran yang selama ini dicarinya. Tetapi walau bagaimanapun segala yang dicarinya itu masih belum dijumpainya, meskipun telah banyak buku-buku agama yang telah dibacanya, namun hati dan perasaannya belum lagi tertarik dengan segala sesuatu yang dikatakan oleh pengarang buku-buku

tersebut. Ia pun meneruskan lagi usahanya itu. Kerana itulah kegemarannya. Ia merasakan bahawa dengan meneruskan usaha-usaha ini sahajalah dapat menenteramkan jiwanya dari prasangka dan ragu-ragu. Oleh sebab itulah ia tidak pernah merasa jemu meneruskan usahanya ini demi untuk mencari hakikat yang sebenarnya. Semakin banyak ia menempuhi jalan-jalan yang buntu dalam usahanya ini, semakin kuat semangat dan kemahuannya, hingga timbullah dari jiwanya suatu perasaan aneh, perasaan insaniah, perasaan peri kemanusiaan. Perasaan ini semakin mendorong keinginannya berusaha lebih keras untuk meneliti dengan lebih mendalam bagi mengetahui hakikat yang sebenarnya tentang kejadian alam dan Penciptanya yang Maha Berkuasa. Dalam usaha-usaha penyelidikan yang sehalus ini ia selalu dihalangi oleh beberapa kerumitan, pikirannya berlaga dengan masalah-masalah masyarakat, politik dan

ekonomi yang menyebabkan beberapa kali ia menghadapi jalan buntu, namun begitu demi mendapatkan apa yang dicarinya, maka usaha-usahanya itu terus juga dilaksanakannya dengan bersungguh2.

Putus harapan:

Putus harapan atau pun jalan buntu yang selalu dihadapi oleh manusia di dalam melayari bahtera hidupnya adalah merupakan suatu sifat yang menyebabkan gagalnya manusia itu meneruskan perjuangannya dalam bidang mencapai keamanan, ketenteraman, keadilan dan kesejahteraan hidup. Untuk mengatasi kegagalan ini, maka muncullah berbagai-bagai fahaman dalam agama membanjiri alam sejagat yang menyebabkan manusia semakin hanyut jauh dari hakikat yang sebenarnya. Mister Patil adalah salah seorang yang dihanyutkan oleh arus perkembangan-perkembangan agama di dunia ini, tetapi kehanyutannya itu tidaklah membawa kepada



Istiadat penghormatan dari Askar Melayu Diraja di hadapan Istana Seri Menanti Negeri Sembilan pada hari pertabalan Tuanku Jaafar ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada bulan April yang lalu.

Fikiran Islam.

Ia kehilangan pedoman yang ditujunya, malahan dari perkembangan fahaman-fahaman baru dalam sesuatu agama itulah yang diambilnya dijadikan kajiannya mencari kebenaran. Oleh itu usahanya mengkaji pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh semua agama diteruskannya dengan tiada berhenti-henti. Semakin mendalam ia mengkajinya, semakin jauh fikirannya dari hakikat yang dicarinya, akhirnya fikirannya meleweng kepada *material* dan kebendaan.

Hidup dalam keraguan:

Sementara mencari jalan kebenaran bertahun-tahun lamanya Mister Patil hidup di alam bebas dengan tidak percayai kepada Allah dan tidak menganut sebarang agama, dalam pada itu ia tetap percayai dan yakin bahawa keadilan itu adalah hak asasi kepunyaan manusia. Begitulah halnya Mister Patil selama beberapa zaman ia hidup dalam kebingungan dan ragu-ragu memikirkan apakah semua agama yang membawa konsep dan pengajaran-pengajaran baru yang membanjiri alam ini adalah benar dan berfaedah bagi mencapai kebahagiaan hidup? Semakin lama ia menceburkan diri lapangan pengajian agama-agama di dunia, semakin bertambah gelap jalan yang ditujunya, hingga dirasakannya bahawa ia sedang menempuh suatu perlawanan di dalam gelanggang ilmu jiwa (psikologi). Agama-agama yang ada sekarang mengharamkan jiwa dari memahami ketinggian rohani, konsep baru ini lebih mementingkan kebendaan (*material*) daripada yang lain, ini sudah tentu akan merosakkan rohani dan mencemarkan nama baik

sesuatu agama. Hasilnya akan menggagalkan manusia daripada mencapai kebahagiaan hidup. Kerana kehidupan yang berdasarkan kebendaan semata-mata itu tidak boleh menimbulkan kebahagiaan hidup yang hakiki, malahan ia akan membunuh jiwa untuk hidup berkecimpung di alam rohani, hingga seseorang itu merasakan ketenteraman dalam menghadapi soal hidup. Oleh itu agama-agama yang ada sekarang ini hanya merupakan suatu gambaran yang tak dapat diterima oleh fikiran yang waras.

Meneruskan cita-cita mencari kebenaran:

Walau bagaimanapun buntunya fikiran Mister Patil menghadapi soal-soal yang yang¹ rumit ini, tetapi ia tidak lekas berputus asa, ia tidak pernah merasa bosan untuk meneruskan cita-citanya mencari kebenaran yang hakiki, hingga pada suatu masa pernah terbayang di fikirannya, bahawa di sana mesti ada suatu kekuatan ghaib yang mengatasi segala kekuatan yang lain. Kekuatan itu bukan merupakan kekuatan kebendaan dan jasmani, tetapi kekuatan itu tak mungkin difikirkan dengan akal manusia yang bersifat lemah. Walau bagaimanapun sesuatu dugaan yang hanya timbul dari suatu perasaan seorang manusia biasa tanpa berdasarkan ilmu dan hakikat tidaklah boleh dijadikan asas kepercayaan.

Mister Patil meneruskan kajiannya menyiasat dan menyelidiki dasar-dasar pengajaran semua agama dengan secara mendalam. Ia menyelidiki dasar-dasar pengajaran agama Kristian, Buddha, Yahudi, Baha'iyah dan falsafah-falsafah

kebudayaan Cina lama di samping mempelajari pendapat-pendapat baharu dari konsep-konsep agama di zaman moden, dan paling akhir sekali usaha penyelidikannya dititikberatkan kepada pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh Islam.

Dari sini timbullah suatu perasaan baharu yang mendorong jiwanya dengan lebih giat untuk meneruskan penyelidikan dan pengajiannya demi untuk menuju kepada matlamat asalnya mencari hakikat yang sebenarnya di dalam akidah (kepercayaan beragama). Ia lantas mengadakan perhubungan-perhubungan secara langsung dengan pakar-pakar agama di seluruh dunia dengan harapan untuk mendapatkan golongan orang-orang yang sanggup memandunya ke arah jalan kebenaran yang dicarinya dengan berdasarkan pengajian-pengajian agama yang telah dipelajarinya. Semua kitab-kitab agama yang telah dipelajarinya mengatakan bahawa keseluruhan agama di dunia ini memberikan pimpinan kepada manusia menuju ke arah kebaikan dan kebahagiaan hidup dari alam dunia hingga ke alam akhirat serta menanamkan perasaan-perasaan peri kemanusiaan dan tanggungjawab terhadap sesama umat manusia.

Manusia berhajatkan agama:

Agama adalah mengangkat darjat hidup manusia dan meringankan penderitaan-penderitaan jiwa yang sering dialami oleh mereka dalam menghadapi soal hidup. Walau bagaimanapun setiap manusia yang hidup di muka bumi ini berhajat kepada suatu akidah, suatu agama yang wajib dipercayainya. Sudah sekian lama Mister Patil menceburkan dirinya di lapangan penyelidikan agama-agama di dunia, namun begitu ia belum sampai kepada matlamat yang ditujunya demi untuk mencari

¹ Pengulangan perkataan yang.

Fikiran Islam.

kebahagiaan hidup dan ketenteraman jiwanya.

Ketika ia kembali menyelidik dan mengkaji pengajaran-pengajaran suci yang dibawa oleh agama Islam, sedikit demi sedikit jiwanya tertarik kepada pengajaran-pengajaran itu. Ia merasakan hakikat yang dicarinya selama ini berada di dalam agama Islam. Kini segala sesuatu yang diidam-idaminya itu telah dijumpainya, seolah-olah ia berasa bahawa ia bertemu kembali dengan barang kesayangannya yang telah hilang dari tangannya,

Menikmati keindahan ayat suci:

Di dalam Islam didapatinya dasar-dasar kesederhanaan, keadilan dan keringanan menjalankan sesuatu amalan yang diwajibkan. Setiap orang Islam yang mempunyai jiwa yang bersih merasa bertanggungjawab melaksanakan segala kewajipan yang telah ditetapkan oleh agamanya. Yang lebih menarik perhatian Mister Patil ialah Islam mengakui dan menghormati akan kerasulan para *anbiyā'* yang diutuskan Tuhan di dalam semua agama yang diturunkan Allah. Di sinilah Mister Patil tafakur beberapa ketika menikmati keindahan sepotong ayat suci yang terkandung di dalam *Sūrah Al-Baqarah* ayat (136):

“Qulū amanunā bi Allāhi wama unzila ilaynā wama unzila ilā Ibrahim wa Isma‘il wa Ishaq wa Ya‘qub wa al-asbāt. Wama ūtiya Mūsā wa ‘Īsa, wama ūtiya al-nabiyyīna min rabbihim, walā nufarriqu bayna aḥad minhum wanaḥu lahu muslimūn”

Maksudnya: “Katakanlah! Kami beriman kepada Allah dan apa yang telah diturunkan kepada kami dan kepada apa yang telah diturunkan kepada Ibrahim dan Ismail dan Ishak dan Ya‘akub

dan anak cucunya, dan kepada apa yang telah diberikan kepada Musa dan Isa dan kepada apa yang telah diturunkan kepada sekalian nabi dari Tuhan mereka.

Kami tidak memperbezakan antara seseorang daripada mereka, dan kepada-Nya lah kami berserah diri.”

Ayat yang mulia ini meninggalkan kesan yang mendalam di jiwa Mister Patil, selepas daripada mengkaji tujuan yang terkandung di dalam ayat inilah beliau terus beriman kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa dan mempercayai bahawa Nabi Muhammad itu adalah seorang Rasul yang diutus Allah kepada sekalian umat manusia. Dari ayat inilah Mister Patil bertemu dengan kebenaran hakikat yang dicarinya dan dari ayat inilah juga ia bersua dengan *Burhān* Ilahi yang menunjukkan kelebihan dan ketinggian agama Islam dari agama-agama yang lain.

Begitulah kisah perjuangan Mister Patil mencari hakikat yang sebenarnya. Di dalam sepotong ayat yang pendek ringkas tetapi mengandungi pengertian

yang luas ia bertemu dengan nur *al-hidāyah al-Rabbānīyyah*. Dari sejak itu dengan tidak ragu-ragu lagi ia lantas mengisytiharkan keislamannya, bersyukur ke hadrat *al-‘Azīz al-Jabbār* yang telah mengurniakan kepadanya *al-ni‘mah al-ilahiyah al-kubrā*, hingga ia termasuk di dalam golongan manusia yang mendapat pertunjuk menjadi seorang penganut Islam yang taat setia menjalankan titah perintah agamanya yang suci. Di akhirnya ia memilih nama Islamnya “Basyir Ahmad Rahman Patil”.

Sekarang Basyir Ahmad Rahman Patil telah memilih Tanganyika – sebuah di antara negara Islam yang terbesar di Afrika – tempat ia meneruskan perkhidmatannya terhadap agama yang dicintainya. Untuk memenuhi sara hidupnya ia bekerja sebagai seorang guru Sejarah dan bahasa Inggeris di salah sebuah sekolah menengah di sana, di samping itu ia dilantik menjadi seorang pensyarah di Kolej Darussalam.

Dipetik dari majalah:

Rabitah al-Alam al-Islami.



Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Jaafar ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman bersama dengan Tengku Ampuan Tengku Najhah binti Al-Marhum Tengku Besar Burhanuddin sewaktu tiba di Istana Seri Menanti pada hari pertabalan Baginda menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang kesepuluh pada bulan April yang lalu.

² Perkataan sebenarnya adalah *lā*